



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA



**KUMPULAN BANGSAWAN  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN**  
mempersembahkan

# Raja Laksamana Bentan

arahan SHAHRUL MIZAD ASHARI • skrip A. RAHMAN B

sempena  
**MANIFESTASI BANGSAWAN**  
25-27 FEBRUARI 2005  
TAMAN BUDAYA NEGERI KEDAH



**KUMPULAN BANGSAWAN  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN**

memperssembahkan

**RAJA LAKSAMANA BENTAN**

arahan  
Shahrul Mizad Ashari

skrip  
A. Rahman B

sempena  
**MANIFESTASI BANGSAWAN**  
25 Februari 2005  
Taman Budaya Negeri Kedah  
8:45 malam

anjuran  
**KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN  
MALAYSIA**

dengan kerjasama  
**KERAJAAN NEGERI KEDAH**

## BANGSAWAN PEMENTASAN AKADEMI SENI KEBANGSAAN

### AKADEMI SENI KEBANGSAAN

Apabila perkembangan filem tumbuh dengan pesatnya di tanah air kita, sekitar tahun-tahun 1960an, maka Bangsawan mula mengalami zaman kegelapan. Antara faktor yang menyebabkan Bangsawan berkubur ialah penghijrahan pelakon-pelakon handalan Bangsawan ke filem. Kegemilangan Bangsawan kian pudar selepas itu.

Atas kesedaran itulah Akademi Seni Kebangsaan (ASK) mewajibkan pembelajaran bangsawan kepada semua para pelajarnya, selain daripada wayang kulit dan makyung. Usaha ini telah dilakukan sejak penubuhan institusi ini pada tahun 1994 dan merupakan satu usaha untuk mewujudkan golongan penggiat seni generasi baru yang menghayati dan seterusnya dapat memperkembangkan semula bangsawan.

Melalui program produksi Bangsawan, adalah diharapkan ASK akan dapat membantu usaha-usaha pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ke arah memperkenalkan lagi, mengembangkan serta memulihara kesenian dan warisan dalam bentuk yang "tidak boleh disentuh" (intangible) ini, bagi memastikan ia dapat dilihat serta dinikmati lagi oleh generasi yang akan datang.

#### Tahun 1996

Pementasan : RAJA LAKSAMANA BENTAN  
Tempat : Auditorium DBKL, Jaian Raja Laut,  
Kuala Lumpur  
: Taman Budaya Negeri Perak, Ipoh


#### Tahun 1997

Pementasan : HARIS FADILAH  
Tempat : Auditorium Tuanku Abdul Rahman,  
Pusat Pelancongan Malaysia,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur




#### Tahun 1998

Pementasan : BENDAHARA GARANG PERAK  
Tempat : Auditorium Tuanku Abdul Rahman,  
Pusat Pelancongan Malaysia,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur



#### Tahun 1999

Pementasan : ALANG BUANA  
Tempat : Auditorium Tuanku Abdul  
Rahman,  
Pusat Pelancongan Malaysia,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur



**Tahun 2000**

Pementasan : SYAMSIR ALAM  
Tempat : Auditorium Tuanku Abdul Rahman,  
Pusat Pelancongan Malaysia,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur

**Tahun 2001**

Pementasan : TAMING SARI  
Tempat : Auditorium Tuanku Abdul Rahman,  
Pusat Pelancongan Malaysia,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur



**Tahun 2002**


Pementasan : DELIMA DI SRI TEMIANG  
Tempat : Auditorium Tuanku Abdul Rahman,  
Pusat Pelancongan Malaysia,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur

**Tahun 2003**

Pementasan : SAUDAGAR RAPUDIN  
Tempat : Auditorium DBKL, Jalan Raja Laut

**Tahun 2004**

Pementasan : PUTERI PATMAWATI  
Tempat : Auditorium Tuanku Abdul  
Rahman,  
Pusat Pelancongan Malaysia,  
Jalan Ampang, Kuala Lumpur



BIODATA  
PENGAJAR BANGSAWAN  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN



**SENIMAN NEGARA  
TUAN HAJI ABDUL RAHMAN ABU BAKAR**

Tuan Haji Abdul Rahman bin Abu Bakar, atau lebih dikenali sebagai Rahman B, dilahirkan di Kelang, Selangor pada 18 Mei 1935. Menamatkan pendidikan rendahnya di Sekolah King Edward Taiping, Perak kerana meletusnya Perang Dunia Kedua. Lahir dalam keluarga Bangsawan, ayahnya A Bakar M adalah tauke panggung Bangsawan Rahman Star Opera yang tidak asing lagi pada zamannya. Ketika masih bayi, beliau sering dilibatkan sebagai pelakon kecil, apabila berusia 10 tahun, mula dilibatkan memegang watak kanak-kanak seperti dalam pementasan arahan bapanya iaitu Batu Belah Batu Bertangkup dan Tujuh Perigi di Gunung Curdu. Ketika berusia 19 tahun telah mula memegang watak Orang Muda dalam pementasan Tengku Sulung Mati Digantung.

Ketika berusia 20 tahun, Rahman B sudah mula mengarahkan pementasannya sendiri. Bangsawan pertama yang diarahkannya berjudul Keris Melayu diikuti pementasan lain yang menyaksikan namanya memuncak sebagai pengarah Bangsawan. Sejak 1950-an sehinggalah 2005 ini, Rahman B telah mengarahkan lebih 200 pementasan bangsawan sama ada pementasan berulang atau kisah baru yang digarapnya sendiri. Antara adik-beradiknya yang juga melibatkan diri sepenuhnya dengan bangsawan adalah Rahim B (allahyarham) yang sering memegang watak Orang Muda dan juga adik bongsunya Rohani B, yang sehingga kini giat menyumbang suara merdunya untuk nyanyian, bacaan syair dan gurindam dalam setiap pementasan Bangsawan.

Rahman B diberi kepercayaan memimpin Rahman Star Opera oleh ayahnya, dan bersama kumpulan ini beliau bergerak mementaskan Bangsawan di seluruh Tanah Melayu. Menerusi kesenian Bangsawan juga, Rahman B bersama kumpulannya berjaya melaksanakan beberapa pementasan di Brunei dan Singapura atas undangan dan tuntutan penonton pada zaman itu. Rahman Star Opera akhirnya bertukar menjadi Persatuan Seni Bangsawan Bintang Timur pada tahun 1960-an. Di bawah Bintang Timur, Bangsawan berjaya menempuh era komersilnya yang tersendiri sehinggalah ke hari ini.

Pada tahun 1953, Rahman B pernah berhijrah ke Singapura dan melibatkan diri sebagai pelakon filem ketika itu. Beliau menyertai Rimau Film (kemudian dikenali sebagai Cathay Keris), Nusantara Film dan sempat berlakon beberapa filem seperti Buluh Perindu, Rami Rami dan Untuk Sesuap Nasi. Bagaimanapun

kecintaannya yang mendalam terhadap kesenian Bangsawan membawanya meninggalkan glamour bintang filem dan kembali mewarisi peninggalan ayahnya ini. Kembali ke Kuala Lumpur, Persatuan Seni Bangsawan Bintang Timur dihidupkan dan mula bergerak mengadakan persembahan ke seluruh Tanah Melayu.

Pada tahun 1956, beliau melibatkan diri dengan Music Union. Selepas peristiwa 13 Mei 1969, Rahman B menubuhkan Kumpulan Bangsawan Negeri Sembilan dan kemudian membawa rombongan ini bergerak di sekitar selatan tanah air. Persatuan Seni Bangsawan Bintang Timur kemudiannya mendapat sokongan penuh daripada kerabat Universiti Malaya ketika itu, Prof. Diraja Ungku Aziz dan Dato' Arif Ahman serta diletakkan di bawah naungan Majlis Kebudayaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kumpulan ini pernah dipanggil mengadakan persembahan sempena Hari Keputeraan Sultan Perak.

Pementasan-pementasan yang dilaksanakan berjaya melahirkan beberapa bintang terkenal yang kini menempa nama di persada seni tanah air. Antaranya seperti Rahim Jailani, Liza Abdullah, Lizawati Hamdan, Aziz Abdullah dan ramai lagi. Jumlah muridnya sahaja di dalam persatuan Bangsawan yang kini sudah beralih menjadi bintang televisyen lebih kurang 167 orang.

Ketokohnya mempertahankan dan memelihara kesenian tradisional ini menarik minat institusi seni formal pertama di Malaysia, Akademi Seni Kebangsaan di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, untuk mengundangnya menjadi pensyarah bagi kursus Bangsawan yang merupakan salah satu kursus wajib akademi. Bermula dari penubuhan ASK (1994) sehingga kini, Rahman B terus mengabdikan dirinya menyebarkan ilmu Bangsawan kepada generasi muda. Hasilnya pementasan Bangsawan terus bersemarak di Kuala Lumpur setiap tahun dengan tenaga penggerakannya adalah generasi muda.

Rahman B mendirikan rumahtangga bersama Seri Panggung Bangsawan Rohaya Rahman pada tahun 1952 dan mempunyai enam cahayamata. Rohaya Rahman kembali ke Rahmatullah pada penghujung 1990-an. Pada tahun 2000, Rahman B mendirikan rumahtangga dengan aktivitis seni Puan Hajah Amnah Haji Awang. Pada tahun 2004, Tuan Haji Abdul Rahman Abu Bakar telah dianugerahkan Seniman Negara daripada Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.



**ALLAHYARHAM SYED HAMID SYED HUSSIN**

Anak kelahiran Pulau Pinang ini mula melibatkan diri dalam dunia bangsawan sejak tahun 1946. Datuknya, Allahyarham Pak Saenan adalah seorang pengarah bangsawan manakala ibunya Allahyarhamah Zaharah Agus pernah bergelar Sri Panggung (Primadona) dan penyanyi terkenal di tanah air. Allahyarham telah mengikuti bangsawan sejak mudanya dan pernah bergelar "Orang Muda Bangsawan". Allahyarham pernah menjadi pengarah dan penulis skrip untuk beberapa buah pementasan bangsawan.

Kumpulan bangsawan yang pernah diikuti oleh Allahyarham adalah GRAND NORAN OPERA, ARJUNA BANGSAWAN, SENTOSA OPERA, CINDERELLA BANGSAWAN, MERAH EMAS BANGSAWAN dan BINTANG TIMUR BANGSAWAN. Kemerosotan bangsawan di dunia pentas tidak mematikan aktivitinya di dunia bangsawan. Allahyarham telah beralih ke bangsawan terbitan Televisyen Malaysia (RTM) dan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3). Allahyarham adalah salah seorang tenaga pengajar Jabatan Teater Akademi Seni Kebangsaan pengkhususan Teater Tradisional - Bangsawan dari mula penubuhan ASK (1994) sehinggalah Allahyarham kembali ke rahmatullah pada tahun 1999. ASK dan bekas-bekas pelajar Allahyarham sangat terhutang budi di atas segala sumbangan dan tunjuk ajar yang telah Allahyarham berikan. Semoga Allah mencucuri rahmatnya ke atas roh Allahyarham. Al-fatihah....




**ALLAHYARHAMAH NOORSIAH IBRAHIM**

Allahyarhamah lebih dikenali dengan nama Noorsiah Yem, dilahirkan di Perak dan dibesarkan di Singapura. Mula mengenali bangsawan sejak usia lima tahun lagi. Pendedahan awal ini diperolehi daripada kedua ibubapanya yang merupakan dua tokoh bangsawan yang menggerakkan kumpulan bangsawan GRAND NORAN OPERA awal tahun 1930an, iaitu Pak Yem dan Minah Ketot. Di usia remajanya, Allahyarhamah telah mengukir nama sebagai Sri Panggung.

Bersama CATHAY KRIS FILEM PRODUCTION (Singapura) Allahyarhamah bukan sahaja menjadi pelakon malah menjadi guru tari dalam beberapa cerita filem. Allahyarhamah pernah berlakon bersama bintang-bintang popular ketika itu, seperti Latifah Omar, Zaiton dan Allahyarhamah Siti Tanjung Perak. Antara filem lakonannya yang paling diingati ialah Selendang Delima. Pada tahun 1968, Allahyarhamah berhijrah pula ke Kuala Lumpur dan masih mengajar tarian. Kebolehannya sebagai koreografer tari telah membawa dia dan ibunya Minah Ketot diberi penghargaan mengajar tarian kumpulan tarian Diraja di bawah naungan Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra AlHaj. Kumpulan ini sering mengadakan persembahan di istana dan di luar negara.

Allahyarhamah merupakan salah seorang tenaga pengajar kursus bangsawan di ASK dari mula penubuhan ASK (1994) sehingga 1999, iaitu setelah kematian suaminya Allahyarham Syed Hamid Syed Hussin. Allahyarhamah banyak memberikan tumpuan kepada aspek lakonan pelakon wanita dan koreografi, termasuk untuk tarian-tarian extra-turn.

30 Januari 2005 yang lalu, seniwati NOORSIAH YEM telah menghembuskan nafas terakhirnya pada usia 72 tahun. ASK dan bekas-bekas pelajar Allahyarhamah sangat terhutang budi di atas segala sumbangan dan tunjuk ajar yang telah diberikannya dan turut merasa kehilangan di atas pemergiannya. Semoga Allah mencucuri rahmatNya ke atas roh Allahyarhamah. Al-fatihah...




KUMPULAN BANGSAWAN  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN

## TENAGA PRODUKSI

NOORSIAH SABRI	Penerbit
NORIZAH ARSHAD	Penerbit Eksekutif
ZAKARIA ARIFFIN	Penasihat
AZLIM IBRAHIM	Pegawai Penyelaras
MOHD SHAHRUL MIZAD ASHAARI	Pengarah / Pengurus Set
JUHARA AYOB	Penolong Pengarah
AZIZUL ZAHID JAMAL	Pengarah Teknikal/ Pengurus Pentas
SUFLAN FAIZAL ARSHAD	Pengarah Muzik / Pemuzik
SYED MUSTAPHA SYED YASIN	Koreografer
ISMALIZA ISHAK	Pengurus Props
ROSMAN ISHAK	Pengurus Kostum
MARDIANA ISMAIL	Pengurus Tatarias
ABU BAKAR SULAIMAN	Jurualatih Siat
SOFYAN MOHAMAD	Pembantu Pentas /Teknikal
ADI SYUKRAN ADI	Pembantu Pentas/Teknikal
MOHD SHARIZAN JASMAN	Pembantu Pentas /Teknikal
WAN AZLI WAN JUSOH	Pembantu Pentas/Teknikal

## TENAGA PELAKON

A. ARIS KADIR	Raja Andak Raja Laksamana
JUHARA AYOB	Tengku Wan Intah
ANAS SALLEH RAHBENI	Megat Alang Dilaut
SITI ROHANA ABDUL JALIL	Tengku Wan Senari
SYED MUSTAPHA SYED YASIN	Biduanda/orang nakhoda
ISMALIZA ISHAK	Inang Wan Senari
ROSMAN ISHAK	Sami
MARDIANA ISMAIL	Inang Wan Intah
ABU BAKAR SULAIMAN	Sultan YAM DI Pertuan Bentan
MOHD FAUZI ABDUL RAIS	Bendahara
MOHD HADY MOHD TAHIR	Tengku Raja Muda Busu
WAN KANARI IBRAHIM	Nakhoda Haridan
AZIZI MOHD SAID	Syahbandar/orang nakhoda
SYARUL AZLINA SIKANDAR	Kembang Cina
ROSDEEN SUBOH	Cincu
ROSLI MOHD TAIB	Bentara/orang nakhoda
HAIRUL ANUAR HARUN	Temenggung/orang nakhoda
ARBAYAH AHMAH NADZRI	Wan Seribani
SUFLAN FAIZAL ARSHAD	Pengarah Muzik /Pemuzik Keyboard
JUANITA ISMAIL	Penyanyi Gurindam
SHIREEN JASIN MOKHTAR	Pemuzik – Perkusi Moden
ZAHRATUL AIN SHAARI	Pemuzik – Keyboard II
ISYAM SWARDY DAUD	Pemuzik – Gitar
HADI MASWARDI MOHD AMIN	Pemuzik – Bass
CHE SAIFUL NAZMI CHE MOHD NASIR	Pemuzik – Perkusi Asli
SITI SYAFRINA SUHAIMI	Pelakon tambahan/ penari
NURUL AFIQAH ABU BAKAR	Pelakon tambahan/ penari
NORDAYANATAJOL ARIS	Pelakon tambahan/ penari
SITI NURAISSYA MD JIWA	Pelakon tambahan/ penari
SAFARINA ABD RAMLAN	Pelakon tambahan/ penari
SHARIFAH AQILAH AYED AHMAD BAKHIR	Pelakon tambahan/ penari
MOHD HAFEZEE ZAINAL	Pelakon Tambahan
ZAIFUL AZLIN MUHD FAHMI	Pelakon Tambahan
KHAIRUL RIDZUAN SAHARUDIN	Pelakon Tambahan





SISWAZAH  
AKADEMI SENI KEBANGSAAN  
DI DALAM PRODUKSI BANGSAWAN  
"RAJA LAKSAMANA BENTAN"



**MOHD SHAHRUL MIZAD ASHARI**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Peranan : Pengarah/Pengurus Set**

Lebih dikenali dengan panggilan Ijat. Dilahirkan di Muar, Johor. Merupakan pelajar teater kumpulan pertama ASK. Pemuda yang memiliki pelbagai kebolehan ini mempunyai azam yang kuat untuk bergiat aktif sebagai karyawan teater. Bakat beliau boleh dilihat melalui banyak pementasan samada sebagai pengarah, pelakon, pereka set ataupun pengurus pentas. Sejak lulus dari ASK beliau terlibat secara profesional sebagai pelakon pentas di dalam produksi-produksi seperti Keris Sang Puteri arahan Rahim Razali, Puteri Saadong, Raden Gairoh arahan Rosminah Tahir, Proses dan monodrama Lembu arahan Nam Ron, monodrama 3 Lives arahan Krishen Jit, Split Gravy On Rice arahan Zahim Al-Bakri, Mimpi Di Malam Panas arahan Rohani Yusoff dan Bangsawan Menjunjung Duli arahan Seniman Negara Rahman B dan lain-lain lagi, manakala dalam pengurusan pula beliau terlibat di dalam produksi-produksi yang dipentaskan di Istana Budaya, Auditorium DBKL, Actor's Studio dan Auditorium Tunku Abdul Rahman, MTC. Kini merupakan tenaga pengajar di Jabatan Teater ASK dan Fakulti Seni Persembahan UiTM selain bergerak secara bebas sebagai pengarah, pelakon, pereka set dan pengurus pentas.

**JUHARA AYOB**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Peranan : Tengku Wan Intah/Penolong Pengarah**

Bermula sebagai penari Kompleks Negara, anak kelahiran Negeri Sembilan ini terus mengorak langkah menebarkan sayap seninya dalam teater Tikar Mengkuang (1991). Beliau kemudian terpenggil untuk melanjutkan pengajian di ASK dan berjaya meraih gelaran Graduan Pertama Teater.

Semasa dalam pengajiannya beliau mendapat pendedahan yang meluas terhadap teater tradisional, klasik dan moden. Sehubungan itu namanya tidak pernah terpeas menjadi pilihan pengarah untuk menerajui watak utama dalam mana-mana teater bengsawan, mak yong dan teater moden. Antara teater yang pernah terlibat ialah Oedipus (Zahim Al Bakri, 1995), Puteri Gunung Ledang (Dato' Syed Alwi, 1995), Anugerah, Lantai T. Pinkie (Rosminah Tahir 1996/1998/2000), Tanah Abang (Onie Moraza, 1996), Bangsawan Laksamana Bentan (Rahman B, 1996) Mak Yong Anak Raja Gondang (Khatijah Awang, 1997), Sungai Mengalir Lesu (Wahab Hamzah, 1998), Rantai Anggun Nan Tungga (Dhamir Amin, 1998), Pelayaran Nur Atma (Siti Rohayah Atan, 1999) Ribut (Hazli, 2001), Teja (Zakaria Ariffin), Proses (namron, 2001), Antara (Zainal Abd Latif, 2001) dan Tengku Anum (Rosminah Tahir, 2002)

Beliau juga pelakon TV dan Filem. Antara filem Lakonannya ialah Jogho (U-Wei), selain berkemampuan menjadi pengacara dan melakukan kerja-kerja pengurusan produksi. Kini juhara berkhidmat sebagai tutor sambilan di ASK khususnya untuk subjek mak yong.



Pemuda ini lebih dikenali dengan panggilan Toemoe, berasal dari Taiping, Perak Darul Ridzuan. Merupakan lulusan ASK kumpulan pertama. Mengambil pengkhususan dalam bidang sinografi. Kini namanya amat sinonim dengan kerja-kerja teknikal bagi pementasan-pementasan di sekitar Kuala Lumpur. Toemoe sering menjadi pereka cahaya bagi produksi di Istana Budaya, Actor's Studio, Auditorium DBKL, Auditorium Tunku Abdul Rahman, MTC dan produksi anjuran ASK. Selain mahir dalam bidang teknikal, beliau juga melakukan kerja-kerja pengurusan pentas. Kini beliau bersama Nam Ron giat menguruskan Alternative Stage dan merupakan tenaga pengajar di Jabatan Teater ASK dan di Fakulti Seni Persembahan UiTM selain bergerak secara bebas khususnya sebagai pereka tatacahaya.

**AZIZUL ZAHID JAMAL**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Peranan : Pengarah Teknikal/Pengurus Pentas**



**SUFLAN FAIDZAL ARSHAD**  
DIPLOMA SENI MUZIK  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Peranan : Pengarah Muzik**

Bermula sebagai penari Kompleks Negara, anak kelahiran Negeri Sembilan ini terus mengorak langkah menebarkan sayap seninya dalam teater Tikar Mengkuang (1991). Beliau kemudian terpenggil untuk melanjutkan pengajian di ASK dan berjaya meraih gelaran Graduan Pertama Teater.

Semasa dalam pengajiannya beliau mendapat pendedahan yang meluas terhadap teater tradisional, klasik dan moden. Sehubungan itu namanya tidak pernah terpeas menjadi pilihan pengarah untuk menerajui watak utama dalam mana-mana teater bengsawan, mak yong dan teater moden. Antara teater yang pernah terlibat ialah Oedipus (Zahim Al Bakri, 1995), Puteri Gunung Ledang (Dato' Syed Alwi, 1995), Anugerah, Lantai T. Pinkie (Rosminah Tahir 1996/1998/2000), Tanah Abang (Onie Moraza, 1996), Bangsawan Laksamana Bentan (Rahman B, 1996) Mak Yong Anak Raja Gondang (Khatijah Awang, 1997), Sungai Mengalir Lesu (Wahab Hamzah, 1998), Rantai Anggun Nan Tungga (Dhamir Amin, 1998), Pelayaran Nur Atma (Siti Rohayah Atan, 1999) Ribut (Hazli, 2001), Teja (Zakaria Ariffin), Proses (namron, 2001), Antara (Zainal Abd Latif, 2001) dan Tengku Anum (Rosminah Tahir, 2002)

Beliau juga pelakon TV dan Filem. Antara filem Lakonannya ialah Jogho (U-Wei), selain berkemampuan menjadi pengacara dan melakukan kerja-kerja pengurusan produksi. Kini juhara berkhidmat sebagai tutor sambilan di ASK khususnya untuk subjek mak yong.



**SYED MUSTAPHA SYED YASIN**  
DIPLOMA SENI TARI  
Tahun Penganugerahan : 1999

**Peranan : Biduanda & orang nakhoda/Koreografer**

Berasal dari Johor Bahru. Pernah berkhidmat dengan Yayasan Warisan Johor sebagai penari. Menamatkan pengajian di ASK di dalam bidang tari dengan mendapat bimbingan daripada Joseph Gonzales, Shuhaimi Magi, Aida Redza dan ramai lagi. Mempunyai bakat yang besar dan semangat tinggi untuk berkecimpung dalam arena seni tari tanahair.

Pernah terlibat dalam tarian, GEGARAN ASK, Akar dan Titik, Retrospect, Awas, Keluar Masuk, Gurik, Akar, Seketika, Zafana, Box, Festival Tari '94,'96,'98, TARI '96 dan '98. Manakala di bidang lakonan, berlakon di dalam Bangsawan Haris Fadhillah, Teater Adaptasi Ribut, Mak Yong Anak Raja Gondang 2, Randal Si Karang Manih, Lantai T. Pinkie, Anugerah, Laila Majnun dan sebagainya.

Kini beliau aktif sebagai penari dan koreografer di pertunjukan dan persembahan dalam dan luar Negara.

**ISMALIZA ISHAK**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 2004

**Peranan : Ketua Inang Wan Senari/Pengurus Props**



Graduan Diploma Teater ini berbakat di dalam bidang seni suara dan merupakan vokal utama untuk Kumpulan Nasyid Al-Ajiba (ASK) yang menjadi naib johan pertandingan nasyid peringkat kebangsaan (2002)

Sejak di tahun pertama lagi sudah terlibat dalam beberapa produksi ASK antaranya bangsawan keris Taming Sari, Delima Di Seri Temiang, Puteri Patmawati, mak yong Dewa Indera Dewa, Tingginya Menyapu Awan, Silang Kata, Raja Lear dan teater Sebenarnya ( projek tahun akhir) . Selain itu, turut aktif di dalam produksi kecil pelajar seperti produksi Nasib, Menyerahnya Seorang Perempuan, Harfina, Medea dan turut menjadi johan Festival teater Kebangsaan Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menerusi teater Persidangan.

Setelah tamat pengajian beliau telah terlibat dalam teater Nyonya arahan Siti Rohayah Atan dan berpegalaman menjadi penolong pengurus pentas dalam teater Dejavu yang dipentaskan di Istana Budaya. Kini bergerak secara bebas di dalam pementasan teater dan produksi TV.




**ROSMAN ISHAK**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Peranan : Samy / Pengurus Kostum**

Lulusan dari Program Teater juga merupakan graduan pertama ASK ini sangat sinonim dengan rekaan kostum dan make up. Banyak produksi menggunakan khidmat beliau semasa di ASK antaranya Paduka Oedipus, Laksamana Bentan, Anak Raja Gondang , randai Anggun Nan Tungga, Mimpi Malam Panas, Look Back In Anger, Medea, Ribut, Silang Kata, Atap Genting Atap Rumbia, Syakuntala, Jangan Bunuh Sam, Raja Besar Ho Gading, Wira Bukit, PUTERA dances dan Tingginya Menyapu Awan

Antara produksi luar pula ialah Penyerahan Puteri (Normah Noordin) Lantai T. Pinke, Nyonya, Anugerah, Malam Haram , Raden Galoh (Rosminah Tahir), Cindai, Mimpi Malam Panas, Assyura (Rohani Yousoff), Puteri Saadung, Bulan Menangis, Dejavu ( Siti Rohayah Atan), malah turut berlakon dalam produksi tersebut.

Beliau juga merupakan tenaga pengajar kursus Kostum dan Solekan di ASK malah beliau kini diberi kepercayaan untuk mengajar di UiTM dalam subjek Solekan Pentas. Sebagai bekas pelajar ASK, sesungguhnya beliau telah dilatih untuk mempraktikkan ilmu yang diberi kerana sehingga kini beliau terus menjadi jurulatih vocal untuk pentas dan sering dipanggil untuk mengetuai bengkel teater sama ada peringkat sekolah maupun IPT. Suaranya pernah dipinjamkan untuk siri kanak-kanak Taman Sang Kancil (RTM) juga siri animasi kartun LAT untuk watak Opah terbitan ASTRO.





**MARDIANA ISMAIL**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 2001


**Peranan : Ketua Dayang Wan Intah / Pengurus Tatarias**

Dilahirkan di Hospital Universiti Kuala Lumpur pada 23 Jun 1978. Aktif dalam bidang seni sejak dari bangku sekolah dengan menyertai dikir barat, pidato dan juga syarahan sehingga ke peringkat kebangsaan.

Memperluaskan pengetahuan dan bakat dalam beberapa produksi. Termasuk teater "Anugerah di bawah arahan Rosminah Tahir, Ribut (sebagai Miranda), Mereka ( korus), Menjelang Takbir (Anita), Azad dan Chun Li (Aini), Impian Musim Panas (Hermia), Inkarnasi (Lesbian), Gapai (Mimi@ Adik), Gutun Nada ( Maria), Atap Genting Atap Rumbia (Mak PiaH), The Worl Is An Apple, Macbeth, KA, KYTO, Raden Galoh (Mak Inang) serta Opera Ayu Cendana.

Bekerja di belakang tabir dalam The Storyteller, Festival Tari Kebangsaan, Puteri Sa'dung, Haris FAdilah, LAKsamana Bentan, ALang Buana, Hamlet, Randal Si Karang Manih, Semuanya Anaku, Bendahara Garang Perak, Raja Bongsu Sakti, Dewa Muda, Jangan Bunuh Sam dan Mak Yong Raja Tangkai Hati yang dipentaskan di Istana Budaya. Mengarah Puteri dari Champa untuk Festival Monodrama anjuran ASK.

Kini namanya kian dikenali dalam beberapa produksi TV seperti "Keranamu Mas Intan" arahan Dato Fauziah Ahmad Daud yang pernah disiarkan di ASTRO, Salam Pantai Timur, drama " Fadillah" arahan Erma Fatimah dan beberapa produksi TV.



**ARIS A. KADIR**  
DIPLOMA SENI TARI  
Tahun Penganugerahan : 2001

**Peranan : Raja Andak Raja Laksamana**

Anak kelahiran Johor ini merupakan pelajar terbaik Diploma Tari ASK 2001, juga merupakan bekas artis budaya Yayasan Johor (1992-1997). Selain itu beliau juga merupakan penari 'free-lance' untuk back up artis bagi program-program TV. Beliau merupakan penari bagi Junior White II Cho: Choo Tee Kuang, Sea Cho: Choo Tee Kuang, Check Point Cho: Judimar Munflis, Curfew Cho: Judimar Munflis dan Private Collection : Mun Lee.

Beliau pernah menjadi Koreografer/Pelakon untuk Pandanglah Lihatlah(2000), Broadway babies, Perintah Berkurung, Awas, Golak ( Produksi Gelombang Biru), Main (Actors Studio), Teater Siti Di Alam Fantasi (Aminah Rahpor), Filem Paloh (Adman Salleh), Opera Ayu Cendana ( Fauziah Nawil), Dari Bintang Ke Bintang, (Fauziah Nawil), teater bangsawan Alang Buana, Syamsir Alam, Menjunjung Duli (Rahman B) ,Kumpulan Kebudayaan Shanghai (2000), Bangsawan Tengku Anum, Puteri Hang Li Po(Rosminah), Ribut (Rohani Yousoff) dan yang terkini terlibat dalam teater Kanak-kanak 'Rimau' sebagai koreografer.

Aris kian dikenali menerusi iklan komersial TV untuk iklan TM Net bersama Siti Nurhaliza, TM Net Broadband, TM Net Blue Hyppo, TM Net Prepaid, Pizza Hut dan Tongkat Ali Café bersama Anuar Zain dan Zahid AF2 dan beberapa produksi menggunakan khidmatnya sebagai penari. Beliau turut terpilih sebagai Jurulatih Tari di Shanghai, China pada tahun 2002 di bawah program Penubuhan Badan Kebudayaan dan Kesenian di Luar Negara.

**ANAS SALLEH RAHBENI MUTA'AL**  
DIPLOMA SENI MUZIK  
Tahun Penganugerahan : 2003

**Peranan : Megat Alang Dilaut**

Pemuda ini berasal dari Kuala Lumpur. Merupakan graduan ASK daripada Program Muzik. Setelah menamatkan pengajian di ASK pada tahun 2003, beliau bergerak aktif di dalam industri muzik tanahair. Antara pencapaian beliau ialah dijemput untuk bermain di FESTIVAL MUZIK 2nd RIAU HITAM PUTIH INTERNASIONAL, Pekan Baru, Riau, Indonesia bersama REDWHITE BUTTON. Merupakan pemuzik untuk program-program muzik anjuran ASK. Penata bunyi dan audio untuk Bangsawan "Saudagar Rapudin" terbitan ASK dan "Menjunjung Duli" anjuran Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Wilayah Persekutuan. Bertindak sebagai Pengurus Pentas bagi program-program muzik ASK. Pemuzik jempunan untuk Anugerah Juara Lagu 2004 (TV3) sebagai pemain alat muzik bonang.

Kini beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar di Jabatan Muzik, ASK selain tetap bergerak aktif di dalam industri muzik tanahair sebagai pemuzik.



**SITI ROHANA ABDUL JALIL**  
DIPLOMA PENULISAN KREATIF  
Tahun Penganugerahan : 2001

**Peranan : Tengku Wan Senari**

Anak jati Negeri Sembilan ini merupakan anak bongsu dari lima beradik. Mendapat pendidikan awal di Sekolah Convent Seremban dan Methodist High School Seremban. Selepas STPM, melanjutkan pelajaran di ASK dalam bidang penulisan.

Semasa di ASK, banyak melibatkan diri dalam segala aktiviti. Diantaranya bangsawan Raja Laksamana Bentan (1996), Haris Fadilah(1997), Alang Buana(1999) setiap satunya sebagai pembantu produksi. Manakala dalam Bendahara Garang Perak(1998) sebagai Permaisuri Aceh. Produksi luar iaitu Mak Yong Raja Bongsu Sakti(1998) sebagai pelakon dan produksi Mak Yong ASK, Raja Tangkai Hati(1999) sebagai Raja Besar.

Dalam drama klasik Barat iaitu Macbeth(1999) sebagai Pengurus Pemasaran dan Publisiti. Teater Lady Of Eguichi(1999) sebagai pelakon. Teater Inkarnasi(1999) sebagai pelakon. Teater Dr Faustus(1998) sebagai coordinator tatacahaya. Malam puisi Warisan(1999) sebagai pengarah persembahan dan Malam Puisi Senandung Raja(1999) sebagai pengurus projek.

Menghasilkan filem pendek yang bertajuk " Yang Sewaktu dengannya" sebagai pelakon, pengarah bersama dan penyunting. Terlibat dalam bengkel penulisan semula drama "Mengejar Kebahagiaan" 1999. Melanjutkan pengajian di peringkat Bachelor Komunikasi Penyiaran di Universiti Putra Malaysia. Kini bertugas sebagai Pegawai Pemasaran UniPutra Production, Universiti Putra Malaysia selain aktif di dalam bidang penyiaran terutama pembikinan video korporat, dokumentari dan filem pendek terbitan UPM.

**ABU BAKAR SULAIMAN**  
DIPLOMA SENI TARI  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Peranan : Sultan YAM Di Pertuan Bentan**



Jejak awalnya dalam seni persembahan adalah sebagai penari di Istana Negara. Sejak 1982, bergiat melalui dramatari seperti Tun Teja, Tasik Si Putih dan Anak Raja Gondang.

Penglibatannya sebagai penari telah membawanya ke serata dunia dan telah membuka ruang kepadanya untuk turut berlakon teater. Antaranya teater lakonannya ialah Muzikal Uda dan Dara, Bertam-Bertam Bukan Semambu, Hijrah 1400, Anak Tanjung, Anak Raja Gondang, Cindai and Tengku Anum. Ketika beliau melanjutkan pelajaran di ASK, beliau menghasilkan koreografi yang berjudul Kelahiran, Langkah, Kudrat dan Angin.

Setelah menamatkan pelajaran, beliau kini memegang jawatan koreografer di Istana Budaya. Selain menjadi pereka tari untuk tujuan pertunjukkan kebudayaan dan kesenian di dalam dan luar Negara, beliau juga merupakan pereka gerak tari untuk teater antaranya Lantai T Pinkie, Jejak Pahlawan, dan Mencari Juita.

**MOHD FAUZI ABDUL RAIS**  
DIPLOMA PENULISAN KREATIF  
Tahun Penganugerahan : 2002

**Peranan : Dato Bendahara**



Terkesan pada harapan dan amanat guru, beliau menekuni bidang penulisan dalam mengolah bakat dan kemahiran. Mantan Presiden Majlis Perwakilan Pelajar ASK sesi 2001/2002 ini banyak terlibat di dalam produksi anjuran ASK. Setelah tamat pengajian di ASK banyak terlibat di dalam Penulisan Skrip dan Pengurusan Produksi.

Kini beliau bertugas sebagai Pegawai Kebudayaan di Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Universiti Putra Malaysia.



**MOHD HADY MOHD TAHIR**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 2002

**Peranan : Tengku Raja Muda Busu**

Beliau kini merupakan pelajar Universiti Malaya setelah menamatkan pengajian Diploma Teater dia ASK. Memulakan kerjaya lakonannya melalui teater Salina arahan Marlia Musa dan Zahim Al Bakri. Antara penglibatannya dalam bidang Lakonan ialah teater Imbas (1999), Cindai (2001), Teater Anum (2001), Puteri Hang Li Po (2004) drama TV 'Dari Maisara Untuk Qistina (2000), Telemovie 'Menyamar Sutradara (2002), filem Lang Buana (2003) dan telemovie Dengan Nama Cinta (2004). Kini selain menjalankan tugas sebagai seorang Mahasiswa di Universiti Malaya beliau bergerak aktif sebagai pelakon di pentas teater, produksi TV dan filem.



**WAN KANARI IBRAHIM**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 2001

**Peranan : Nakhoda Haridan**

Anak kelahiran Terengganu ini mula berkecimpung dalam bidang seni dengan menyertai Drama Sekolah-Sekolah Malaysia anjuran TV3 dan Kementerian Pendidikan.

Kemudian bergiat aktif dengan Grup Teater Ashik Terengganu pimpinan Marzuki Ali dengan mengadakan Program Perjalanan Teater Keliling ke seluruh Malaysia. Drama yang dibawa termasuklah Di Mana Bulan Selalu Retak ( A. Samad Said), Bila Malam Bertambah Malam (Putu Wijaya), Monseerat, Teroris dan Orang Kasar (Antone Checkov). Pernah menjadi Johan Pekan Teater Kebangsaan (1995) menerusi drama "Mayat" karya Hafza Azad Khan.

Ketika melanjutkan pelajaran di ASK(1996), pementasan yang diceburi kebanyakannya sebagai pelakon. Antaranya Ribus(1996), Midsummer Night's Dream(1997), Julius Caesar(1997), Hamlet (1998), Macbeth(1998) karya William Shakespeare. Juga berlakon dalam teater tradisional antaranya bangsawan Megat Terawis, Bendahara Garang Perak, Dewa Muda, Siti Zubaidah dan juga Mak Yong Raja Tangkai Hati yang dipentaskan di Istana Budaya.

**AZIZI MOHD SAID**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Peranan : Dato Syahbandar/Orang Nakhoda**



Dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Seni Persembahan di Universiti Malaya setelah menamatkan pengajian peringkat Diploma Teater di ASK. Semasa di ASK beliau mengambil pengkhususan dalam lakonan dan ini ditunjukkan melalui projek lakonnya iaitu monodrama Di Bawah Lindungan Kaabah arahan Marlia Musa.

Sejak meninggalkan ASK, Azizi terus aktif dalam produksi teater seperti Bangawan Tengku Anum, Anugerah, Lantai T.Pinkie dan Malam Haram arahan Rosminah Tahir. Mencari Juita arahan Siti Rohayah Atan, Death Of Salesman arahan Roselina Khir Johari, Cinta Sumirang arahan Syed Halim Syed Nong, Puteri Li Po arahan Rahmah Bujang, Scorpion Orchard arahan Krishen Jit dan Joe Hafsham, Uda dan Dara In English arahan Ahmad Yatim, teater Silang Kata arahan Marlia Musa dan Jangan Bunuh Sam arahan Namron

Selain itu beliau turut terlibat dalam produksi TV arahan Fauziah Ahmad Daud dalam drama "Keranamu Mas Intan" juga bertindak sebagai pengacara dalam Raudhah terbitan ASTRO dan Tifisan Budi.



**SYARUL AZLINA SIKANDAR**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 1999

**Peranan : Kembang Cina**

Selepas memiliki Diploma Teater ASK, beliau meneruskan pelajaran di UITM sehingga mendapa Ijazah Seni Layar dan kini sedang menyelesaikan tesisnya di UPM bagi mendapatkan Master.

Semasa berada di ASK, syarul Azlina banyak terlibat di dalam produksi bangsawan, Mak Yong dan Randai dan lain-lain produksi seperti Scorpion Orchid, Storyteller, Si Karang Manih dan Malam Haram. Selain itu turut menjadi pengarah bagi dokumentari Asas Penataan Cahaya Dalam Skrin, filem pendek Alamak Nenek Meletup dan penerbit dokumentari Mendengar Bangsar.

Kini beliau melibatkan diri di dalam beberapa persatuan seperti Kelab Filem Malaysia dan Karyawan Filem Malaysia.



**ROSDEEN SUBOH**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Peranan : Cincu**

Seorang lagi graduan Kumpulan Pertama Program Teater, juga telah menghabiskan pelajaran peringkat Ijazahnya di Universiti Malaya dan memperoleh Ijazah Sarjana Muda. Aktif sebagai pelakon dan pengarah sejak menuntut lagi.

Selepas tamat di ASK, Rosdeen terlibat sebagai pengarah dalam produksi Megat Panji Alam (1998), Malam Ini Jam 12 Datang Lagi (1999), Angin Madinah (1999), Bukan Bunuh Diri (1999), The Zoo Story (2000), dan Fasa 2.4 Kursi Uncle (2000). Sebagai pelakon, Rosdeen berlakon dalam Keris Sang Puteri (arahan Rahim Razali), Misi (Namron), Mak Yong Anak Raja Gondang, Mak Yong Raja Bongsu Sakti (Khatijah Awang), Mak Yong Raja Muda Lakleng(Engku Normalaressa), Proses (Namron) dan Kita serupa.

Rosdeen turut berbakat menghasilkan skrip drama pentas dan televisyen antaranya Satu(pentas), Kita Serupa(pentas) Azam( siri TV), Jodoh Rajiman(siri TV). Selain itu turut terlibat dalam pengurusan teater bersama beberapa produksi di sekitar Lembah Kelang sebagai pengurus pentas, penolong pengarah dan sebagainya. Pengalaman luas yang lain ialah sebagai pengacara dalam rancangan program televisyen.

Kini selain aktif di pentas, tv dan filem, beliau sedang di dalam proses akhir menyelesaikan tesisnya di peringkat Sarjana Seni Persembahan di Universiti Malaya dan menjadi tenaga pengajar teater di UM, UITM dan Institut Kraftangan.



**ROSLI MOHD TAIB**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 2003

**Peranan : Bentara / Orang Nakhoda**

**A**nak kelahiran Melaka membuat pengkhususan daloam bidang lakonan. Menyertai pelbagai teater semasa di ASK. Antaranya Romeo dan Juliet, Alang Buana, Imbas, Salina, Mak Yong Dewa Muda 1 dan 2, MAk Yong Raja Muda Lak Leng, Puteri Sa'dung, Syakuntala, Wan Sari dan Cari-Cari.

Juga terlibat dalam teater Tun Perak dan Nyiur Gading Puncak Mahligai yang dipentaskan di Istana Budaya, Jangan Bunuh Sam, Causeway terbitan Ekamatera Singapura manakala untuk produksi filem dan Televisyen seperti Squad 994 arahan Yusof Kelana, filem Paloh dan Teman Malam arahan Adnan Salleh, Pomfianak Harum Sundal Malam juga iklan TV Malaysia Palm Oil

Juga berkebolehan dan berpengalaman dalam bidang muzik antaranya Perarakan Malam Citrawarna 1998,1999,2000 dan 2001, Konsert Siti Nurhaliza, Konsert Serumpun Merdeka, Persembahan Wayang Kulit, Singapore Festival Of Arts, Kuala Lumpur Festival Of Arts dan Sukan Sea 2001.

**HAIRUL ANUAR HARUN**  
DIPLOMA PENULISAN KREATIF  
Tahun Penganugerahan : 1999

**Peranan : Dato Temenggung / Orang Nakhoda**



**P**emuda yang lahir di Pulau Pinang dan dibesarkan di Batu Kurau, Perak ini merupakan graduan ASK daripada Program Penulisan. Setelah tamat dari pengajian di ASK, beliau telah bergiat aktif di dunia penulisan khususnya penulisan lirik dan skrip drama tv.

Antara pencapaian beliau ialah Anugerah Juara Lagu '98 – Cindai (lirik), Anugerah Juara Lagu '99 – Hati Kama (lirik), Anugerah Juara Lagu 2000 – Balqis (lirik), Menulis lirik lebih 100 buah lagu untuk komersil/pementasan, Penulis skrip drama tv, rancangan hiburan RTM/TV3, konsert dan lain-lain, pengurus acara langsung/teater/konsert, pengarah acara langsung/teater/konsert, penulis skrip konsert secara langsung Siti Nurhaliza, penulis lirik untuk persembahan teater Rubiah, Merdeka, Taman Baginda dan lain-lain, memberi ceramah/forum mengenai penulisan lirik, menjadi juri untuk pertandingan akhir nyanyian dan AIM 2001,2002,2003 dan 2004.

Kini beliau adalah Pengarah Urusan Syarikat ARDAWALIKA Sdn. Bhd selain tetap bergerak secara aktif di dalam penulisan lirik dan skrip. Beliau sedang dalam proses menerbitkan novel, antologi puisi dan kompilasi album karya terbaik.



**ARBAIYAH AHMAD NADZRI**  
DIPLOMA SENI TEATER  
Tahun Penganugerahan : 2004

**Peranan : Wan Seribani**

**M**emilih lakonan sebagai pengkhususan di bawah Program Teater. Beliau mewarisi bakat seni daripada keluarganya dengan terlibat dalam bidang tarian ketika berusia tujuh tahun. Pembabitan awal dalam dunia lakonan bermula apabila beliau menyertai Kumpulan Tunas Budaya pada usia 13 tahun dan kemudiannya bersama Kumpulan Artis Muda Istana Budaya. Arbaiyah telah diberi peluang berlakon antaranya Laila Majnun, Siti di Alam Fantasi dan When Rivers Meet.

Antara penglibatan beliau dalam teater ialah teater klasik Syakuntala (Wisran Hadi), Mimpi Malam Panas (Rohani Yousoff), bangsawan Menjunjung Duli Mahkota, Puteri Patmawati (Rahman B), mak yong Batak Raja Gondang dan beberapa produksi pelajar seperti Medea dan Tanah Ronggeng.

Selain itu, turut terlibat di dalam kerja belakang pentas seperti penolong pengurus produksi Wira Bukit arahan Ahmad Yatim. Pernah menjadi pengacara rancangan kanak-kanak di Televisyen Malaysia dan kini dikenali sebagai pengacara Simply Bollywood terbitan ASTRO.



**JUANITA ISMAIL**  
DIPLOMA SENI MUZIK  
Tahun Penganugerahan : 2001

**Peranan : Penyanyi Gurindam**

**D**ilahirkan di Raub, Pahang dan dibesarkan di Kuala Lumpur. Beliau aktif sebagai penyanyi latar untuk program-program tv tempatan dan rakaman album artis tempatan. Selalu terlibat sebagai penyanyi untuk dinner functions dan iklan-iklan tempatan. Pernah mewakili Malaysia ke China dan Jepun untuk memperkenalkan Malaysia. Terlibat dengan kumpulan gamelan Sunetra Fernando 'Rhythm In Bronze' dan membuat persembahan di Dewan Filharmonik Petronas.

Kini beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar di Jabatan Muzik ASK dan sebagai pemuzik di TELEKOM Malaysia.



**SHIREEN JASIN MOKHTAR**  
DIPLOMA SENI MUZIK  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Pemuzik**

**B**erasal dari Pulau Pinang. Setelah tamat pengajian di ASK, beliau bergerak aktif di dalam industri muzik dan pementasan teater tanahair. Antara pencapaian beliau ialah 1st runner-up dalam program 'KOMPOSER 98' anjuran TV3, Johan pertandingan Sayembara Lagu Puisi 2002/03 anjuran DBP dan DBKL, terlibat di dalam teater 'Keris Sang Puteri', 'Tun Perak' di Istana Budaya, The Storyteller, Mak Yong Anak Raja Gondang, Randai Anggun Nan Tungga sebagai pemuzik, Konsert Riben Merah TV3, Konsert Nur, Orkestra Simfoni Kebangsaan sebagai pemuzik, pernah menyertai ASEAN Youth Camp di Filipina sebagai pemuzik.

Kini selain aktif sebagai pemuzik di dalam industri muzik tanahair juga merupakan salah seorang tenaga pengajar di Jabatan Muzik ASK.

**ZAH RATUL AIN SHAARI**  
DIPLOMA SENI MUZIK  
Tahun Penganugerahan : 1998

**Pemuzik**



**M**erupakan graduan dari kumpulan pertama ASK. Terlibat di dalam produksi teater tradisional Bangsawan 'Raja Laksamana Bentan' – penyanyi dan pelakon, Mak Yong 'Anak Raja Gondang'-penyanyi dan pelakon, Randai 'Anggun Nan Tungga' – penyanyi dan pelakon. Pernah menyertai Summer Music Camp di Wales, United Kingdom pada tahun 1998. Semasa di Wales, beliau telah mendapat bimbingan dari Prof. Heino dan Jutta Schwarting dari Jerman. Setelah menamatkan pengajian di ASK, beliau telah melanjutkan pengajian muziknya di Australia.

**ISYAM SWARDY DAUD**  
DIPLOMA SENI MUZIK  
Tahun Penganugerahan : 2001

**Pemuzik**



**L**ahir di Kelantan dan merupakan anak kedua dari lima orang adik-beradik. Mula melibatkan diri dalam bidang seni sejak di bangku sekolah kerana terpengaruh dengan kebolehan bapa saudaranya bermain gitar. Mula serius dalam bidang muzik setelah tamat persekolahan menengah dan berhijrah serta bermain muzik di kelab-kelab malam sekitar Kuala Lumpur. Antara pengalaman dan pencapaian beliau ialah Juara Gitar Ensemble 1996 anjuran Yamaha (Malaysia), Pengarah Muzik Mak Yong 'Dewa Muda', pemuzik untuk persembahan Bangsawan, mewakili Malaysia ke 'Phillipines Arts Festival', Pengarah Muzik teater 'Tapi Jebat', Pengarah Muzik teater 'Di Bawah Lindungan Kaabah', Pengarah Muzik teater 'Ribut', pemuzik teater 'Penyerahan Seorang Puteri', pemuzik 'Member Of The Club', pemuzik teater 'Bukit Kepong-23250', pemuzik teater 'Tun Perak', pemuzik teater 'Antara', pemuzik teater 'Puteri Saadong', pemuzik Citrawarna Malaysia, pemuzik 'Flora Jazz Festival' 1997 dan 1998, rakaman album untuk kumpulan Success, pemuzik wayang kulit di bawah pimpinan Allahyarham Pak Hamzah Awang Amat (Seniman Negara).

Setelah menamatkan pengajian di ASK aktif sebagai pemuzik di dalam industri muzik tanahair selain daripada mengajar di Jabatan Muzik, ASK.

**HADI MASWARDI MOHAMED AMIN**  
DIPLOMA SENI MUZIK  
Tahun Penganugerahan : 2004

**Pemuzik**



**A**nak kelahiran Kedah yang dibesarkan di Selangor ini telah berkecimpung dalam bidang seni sejak kecil lagi. Bermula dari Program Tunas Budaya anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, beliau bergiat di dalam teater dan muzik sehinggalah sekarang. Dari gitar klasik di bawah bimbingan Iryanda Mulya dan seterusnya di bawah Omar Jaafar dan Jeffry Yong. Beliau kemudiannya menumpukan perhatiannya kepada gitar bass dengan tunjuk ajar Ramlan Imam, Roslan Imam dan Hanafi Imam. Beliau telah melibatkan diri dalam beberapa produksi teater dan televisyen, antaranya Dari Bintang ke Bintang, Perjalanan Bu Aminah, Al-Irsyad dan Delima Kembar di bawah Fauziah Nawi Productions, Pick Up the Pieces I & II, Yamaha Wind Exploration Concert bersama Big Band ASK dan kumpulan Juniors In Jazz di PWTC, Putera, AWAS, Titi, Gelombang Baru, Jendela, persembahan Mak Yong Dewa Indera, Indera Dewa, bangsawan Delima Seri Temiang, Saudagar Rapudin dan teater eksperimen Mimpi di Malam Panas. Beliau kerap bermain di majlis-majlis persendirian dan pernah menjadi ahli residen Band untuk Café Flam di Sunway Pyramid di samping mengasah kebolehan di kelab-kelab di sekitar Lembah Kelang seperti di No Black Tie dan Niche Club. Beliau pernah diundang untuk bermain bass bagi program terbitan RTM iaitu Gegaran dan Sejam Bersama...

PELAJAR AKADEMI SENI KEBANGSAAN  
DI DALAM PRODUKSI BANGSAWAN  
"RAJA LAKSAMANA BENTAN"

**SITI SYAFRINA SUHAIMI**  
Diploma Teater  
Tahun 1

**NURUL AFIQAH ABU BAKAR**  
Diploma Teater  
Tahun 1

**NORDAYANA TAJOL ARIS**  
Diploma Teater  
Tahun 1

**SITI NURAISSYA MD JIWA**  
Diploma Teater  
Tahun 1

**SAFARINA ABD RAMLAN**  
Diploma Teater  
Tahun 1

**SHARIFAH AQILAH SYED AHMAD BAKHIR**  
Diploma Teater  
Tahun 1

**MOHD HAFEZEE ZAINAL**  
Diploma Teater  
Tahun 1

**ZAIFUL AZLIN MUHD FAHMI**  
Diploma Teater  
Tahun 1

**KHAIRUL RIDZUAN SAHARUDIN**  
Diploma Teater  
Tahun 2

**KAMARUL BAISSAH HUSSIN**  
Diploma Muzik  
Tahun 1

*Penghargaan*

Akademi Seni Kebangsaan merakamkan ucapan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak dan individu yang telah terlibat membantu melaksanakan kejayaan pementasan BANGSAWAN RAJA LAKSAMANA BENTAN

YB DATO' SERI UTAMA DR. RAIS YATIM  
MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN MALAYSIA

YAB DATUK SERI SYED RAZAK SYED ZAIN  
MENTERI BESAR KEDAH

YBhg. DATO' SITI AZIZAH ABOD  
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN


KERAJAAN NEGERI KEDAH

PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN KEDAH

MEDIA CETAK DAN ELEKTRONIK

DAN SEMUA PIHAK, SAMA ADA BERKUMPULAN ATAU PERSEORANGAN YANG TELAH MEMBANTU MALAKSANAKAN BANGSAWAN RAJA LAKSAMANA BENTAN INI

*Terima Kasih*



di cetak oleh:  
PERCETAKAN WATAN SDN.BHD.